

Untung THP naik 153 peratus

TH Plantations Bhd (THP) mencatat keuntungan bersih RM26.50 juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2014, meningkat 153 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Dalam tempoh dikaji, pendapatannya meningkat 38 peratus kepada RM132.59 juta, dipacu peningkatan lima peratus dalam pertumbuhan pengeluaran buah tandan segar (FFB) sementara pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) berkembang 14 peratus.

Bagi tempoh enam bulan pertama, kumpulan itu merekodkan pendapatan 39 peratus lebih tinggi berbanding tempoh sama tahun 2013, disokong pengeluaran FFB iaitu tujuh peratus lebih tinggi dan peningkatan 24 peratus dalam pengeluaran CPO.

Capai sasaran

Mengulas mengenainya, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif THP, Datuk Zainal Azwar Zainal Aminuddin, berkata keputusan kewangan dan operasi kumpulan terus kukuh dan pihaknya yakin untuk mencapai sasaran yang ditetapkan sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, harga CPO yang rendah dalam tempoh beberapa minggu akan memberi impak kepada kumpulan dan industri pada suku tahun akan datang.

“Kami memantau rapi situasi ini dan mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan impak harga lebih rendah, termasuk mengoptimumkan struktur kos dan mengkaji semula strategi pasaran,” katanya kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.